



**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**  
**16 NOVEMBER 2022**

---

**DASAR CUKAI JUALAN BIL.1/2022**  
**LAYANAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS PALET**

1. Pengilang berdaftar atau agen yang dilantik oleh pengilang berdaftar untuk mengimport atau membeli palet yang digunakan sebagai bahan pembungkusan dalam pengilangan adalah layak mendapat pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 1 atau Butiran 3, Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
2. Palet yang diimport atau dibeli dengan pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 1 atau 3, Jadual C Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 hendaklah digunakan sebagai bahan pembungkusan barang siap yang dieksport atau dijual dan tidak dipulangkan semula kepada pengilang berdaftar serta menjadi hak milik pembeli.
3. Palet yang digunakan bagi tujuan mengangkut barang, *reusable* dan dipulangkan semula kepada pengilang berdaftar adalah tidak dikategorikan sebagai bahan pembungkusan dan tidak layak pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 1 atau 3, Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018. Cukai jualan hendaklah dibayar semasa palet tersebut diimport atau dibeli.
4. Palet yang digunakan bagi tujuan mengangkut barang yang dieksport dan kemudiannya diimport semula (*re-import*), layak mendapat pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 39, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 semasa palet tersebut diimport semula.